A

Pendakwa Raya lwn Fernandes

B

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — PERBICARAAN JENAYAH NO MT(3)45–9 TAHUN 2005
MOHD ZAWAWI PK
20 OCTOBER 2008

C

Prosedur Jenayah — Pendakwaan — Kes prima facie — Penilaian maksimum keterangan pihak pendakwaan — Sama ada pihak pendakwaan telah membuktikan suatu kes prima facie terhadap tertuduh — Sama ada terdapat lompang/jurang dalam kes pihak pendakwaan — Sama ada pembelaan telah membangkitkan keraguan yang munasabah atas imbangan kebarangkalian — Kanun Prosedur Jenayah s 180

D

Undang-Undang Jenayah — Akta Dadah Berbahaya (Malaysia) — s 39B(1)(a) — Ekshibit dadah — Sama ada terdapat keraguan bahawa dadah telah dijumpai di dalam kereta atau di rumah sewa — Sama ada terdapat lompang dalam kes pihak pendakwaan — Sama ada kes tanpa keraguan yang munasabah berjaya dibuktikan — Sama ada tertuduh mempunyai pengetahuan yang diperlukan bagi membolehkan anggapan statutori di bawah s 37(da) Akta Dadah Berbahaya 1952 dibangkitkan

E

F

Undang-Undang Keterangan — Saksi — Kegagalan memanggil saksi — Kegagalan memanggil polis yang membuat pemeriksaan di rumah sewa — Sama ada terdapat lompang dalam kes pihak pendakwaan — Akta Keterangan 1950 s 114(g)

G

Tertuduh ('OKT'), seorang warganegara Indonesia, telah dituduh mengedar dadah berbahaya, iaitu kanabis seberat 938.91g, satu kesalahan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952. Kes pihak pendakwaan adalah seperti berikut, pada 29 April 2004, SP8 menerima satu maklumat melalui telefon daripada seorang lelaki yang tidak dikenali mengatakan bahawa satu transaksi pengedaran ganja akan dilakukan di Jalan Kubur, Kampung Bakar Batu, Johor Bahru. Pemberi maklumat juga memaklumkan bahawa ganja itu akan diedar oleh seorang lelaki dengan memandu sebuah kereta Proton Wira bernombor pendaftaran JGS 2445. SP8 dengan tujuh orang anggotanya dari Balai Polis Sentral telah pergi ke tempat sasaran dengan dua buah kenderaan. Selepas membuat pemerhatian di tempat sasaran selama lebih kurang 30 minit, mereka melihat sebuah kereta bernombor pendaftaran JGS 2445

H

I

berhampiran dengan bengkel membaiki kapal. Kemudiannya, kedua-dua kenderaan anggota serbuan telah menuju ke kereta sasaran di mana kenderaan kumpulan I menghalang kereta suspek dari bahagian hadapan dan kenderaan kumpulan II menghalang kereta suspek dari bahagian belakang. Suspek telah cuba mengundurkan keretanya dan melanggar kenderaan polis yang membuat halangan di bahagian belakang. Hanya terdapat suspek seorang diri sahaja di dalam kereta itu. SP8 membuat pemeriksaan di dalam kereta suspek di mana dijumpai satu ketulan mampat yang dibalut dengan 'loytape' yang dibungkus dengan kertas timah lutsinar. SP3, ahli kimia, telah mengesahkan bahawa bahan mampat tersebut merupakan kanabis seberat 938.91g. Ekshibit tersebut dijumpai di tempat alas kaki bahagian pemandu. Seterusnya, anggota-anggota polis dari Balai Polis Plentong telah, bersama-sama OKT, membuat pemeriksaan di rumah sewanya dan telah menjumpai dadah dengan saiz dan bentuk yang sama dengan dadah yang dijumpai di dalam kereta yang dipandu oleh OKT. Walau bagaimanapun, OKT tidak dituduh dengan dadah yang dijumpai di rumah sewanya. Di dalam kes pembelaan, OKT menghujahkan bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes prima facie kerana terdapat keraguan sama ada ekshibit dadah yang menjadi hal perkara pertuduhan telah dijumpai di dalam kereta yang dipandu oleh OKT atau di rumah sewanya. Dia juga menghujahkan bahawa kegagalan memanggil anggota-anggota polis yang membuat serbuan dan pemeriksaan di rumah sewa OKT telah mewujudkan lompang/jurang dalam kes pendakwaan. Dalam penghujahan alternatifnya, dia menyatakan tidak ada keterangan yang boleh dibuat inferens bahawa OKT mengetahui ekshibit yang dijumpai di dalam kereta yang dipandunya itu mengandungi dadah berbahaya. Seterusnya, DW2, teman wanita OKT, telah menyatakan bahawa sebelum serbuan tersebut beliau berada bersama OKT di dalam kereta. DW2 menafikan kewujudan dadah berbahaya di alas kaki bahagian pemandu. Dia menyatakan bahawa semasa perjalanan balik ke rumah dari majlis hari jadi, dia ada bersandar bahu dengan OKT dan menegaskan bahawa dia boleh nampak bungkusan tersebut sekiranya bungkusan itu berada di atas alas kaki bahagian pemandu kereta yang dipandu oleh OKT.

Diputuskan, mendapati tertuduh bersalah dan menjatuhkan hukuman gantung sampai mati:

(1) Semua saksi yang terlibat dengan penangkapan dan perampasan dadah yang dijumpai dalam kereta yang dipandu oleh OKT telah dipanggil oleh pihak pendakwaan. Mahkamah tidak mempunyai apa-apa alasan untuk meragui kebenaran atau kredibiliti saksi-saksi pihak pendakwaan terutama SP1, SP6 dan SP8 yang menyatakan dengan tegas bahawa

dadah yang menjadi hal perkara pertuduhan kes ini telah dijumpai di atas alas kaki bahagian pemandu kereta yang dipandu oleh OKT (lihat perenggan 24).

(2) Anggota-anggota polis yang membuat serbuan dan pemeriksaan di rumah sewa OKT bukanlah merupakan 'witnesses essential to the unfolding of the narrative of the prosecution case' kerana ekshibit dadah yang menjadi hal perkara pertuduhan tidak dijumpai di rumah sewa OKT tetapi sebaliknya dijumpai di dalam kereta yang dipandu oleh OKT. Tidak ada apa-apa pertuduhan dikemukakan terhadap OKT berhubung dengan penemuan dadah di rumah sewanya. Keterangan anggota-anggota yang membuat serbuan dan pemeriksaan di rumah sewa OKT tidak akan membawa apa-apa perbezaan kepada kes pihak pendakwaan kerana mengikut pertuduhan, kesalahan dikatakan dilakukan di Jalan Kubur, Kampung Bakar Batu dan bukan di rumah No 39, Jalan Rose Merah 3/8, Taman Johor Jaya, iaitu rumah sewa OKT (lihat perenggan 15).

(3) Berdasarkan fakta yang wujud dalam kes ini, inferens boleh dibuat bahawa OKT mengetahui tentang kewujudan dadah berbahaya yang terdapat di alas kaki bahagian pemandu. OKT ialah pemandu kereta itu dan tiada orang lain di dalam kereta berkenaan. Mengikut SP8, apabila dia cuba mengambil suis kereta yang dipandu oleh OKT, OKT telah mengundurkan keretanya sehingga melanggar kenderaan polis yang menghalang di bahagian belakang. Fakta bahawa kereta yang dipandu oleh OKT telah kemek di bahagian belakang tidak boleh dipertikaikan. Perlu juga diberi perhatian bahawa kejadian berlaku pada waktu malam di suatu kawasan yang sunyi dan dalam keadaan biasa OKT tidak sepatutnya berada di situ (lihat perenggan 18).

(4) Melihat kepada keseluruhan keterangan DW2, mahkamah berpendapat bahawa ingatan DW2 tentang apa yang berlaku pada hari kejadian adalah 'terpilih'. Beliau hanya ingin mengingati keterangan yang boleh membantu OKT. Keterangan DW2 juga tidak boleh 'fits with the rest of evidence and circumstances of the case'. Adalah tidak munasabah sekiranya DW2 yang bersandar di bahu OKT tidak dapat melihat dadah yang berada di atas alas kaki bahagian hadapan pemandu kereta yang dipandu oleh OKT (lihat perenggan 27).

[English summary

The accused, an Indonesian, was charged for trafficking dangerous drugs, ie cannabis weighing 938.91g, an offence under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952. The prosecution's case was as follows, on 29 April 2004, SP8 received an information via telephone from an unknown man stating that a transaction of heroin trafficking would take place at Jalan Kubur, Kampung

Bakar Batu, Johor Bahru. The informer had also notified that heroin would be distributed by a man driving a Proton Wira car bearing registration No JGS 2445. SP8 with seven of his members from the Sentral Police Station went to the targeted area with two vehicles. After observing the targeted area for about 30 minutes, they saw a car with registration No JGS 2445 parked near the ship repair workshop. Later, both the vehicle of the ambush party proceeded to the targeted car where the vehicle of group I obstructed the suspect car from the front and group II's vehicle obstructed the suspect's car from behind. The suspect tried to reverse his car and hit the police vehicle that was obstructing from behind. The suspect was alone in the car. SP8 inspected the inside of the suspect's car in which was found a compressed slab wrapped in 'loytape' which was wrapped in transparent aluminium paper. SP3, the chemist, confirmed that the compressed substance was cannabis weighing 938.91g. The exhibit was found on the car floor mat of the driver's side. Further, the police party from Plentong Police Station had, together with the accused, inspected the house he was renting and found drugs with the size and shape similar to the one found in the car driven by the accused. However, the accused was not charged with the drugs found in his rented house. During the defence case, the accused contended that the prosecution had failed to establish a prima facie case as there was doubt as to whether the drugs exhibited which was the subject matter of the charge was found in the car driven by the accused or in his rented house. He had also submitted that the failure to call the police party who had ambushed and inspected at the house of the accused had created a gap in the prosecution's case. In his alternative submission he had contended that there was no evidence from which an inference could be drawn that the accused knew that the exhibit found in the car that he drove contained dangerous drugs. Further, DW2, the girlfriend of the accused, had stated that before the ambush she was with the accused in the car. DW2 denied the existence of the dangerous drugs on the car floor mat of the driver's side. She said that on the way back to the house from a birthday party, she was leaning on the shoulder of the accused and affirmed that she could see the package if it was on the car floor mat of the driver's side of the car that was driven by the accused.

Held, finding the accused guilty and sentencing him to hang till death:

(1) All the witnesses involved with the arrest and the confiscation of the drugs found in the car driven by the accused was called by the prosecution. The court did not have any reason to doubt the truth or the credibility of the prosecution witnesses especially SP1, SP6 and SP8 whom had stated affirmatively that the drugs which were the subject matter of the charge was found on the car floor mat of the driver's side of the car driven by the accused (see para 24).

(2) The police party which had ambushed and inspected the rented house of the accused was not witnesses essential to the unfolding of the narrative of the prosecution's case as the drugs which was the subject matter of the charge was not found in the rented house of the accused but instead it was found in the car driven by the accused. There was no charge adduced against the accused with regards to the drugs found in his rented house. The testimony of the ambush party and the inspection in the rented house of the accused would not make any difference to the prosecution's case as according to the charge, the offence was said to have taken place at Jalan Kubur, Kampung Bakar Batu and not at the house No 39, Jalan Rose Merah 3/8, Taman Johor Jaya, the rented house of the accused (see para 15).

(3) Based on the existing facts of the case, an inference could be drawn that the accused knew about the existence of the dangerous drugs that was found on the car floor mat of the driver's side. The accused was the driver of the car and there was no one else in the car. According to SP8, when he tried to turn off the car engine, the accused had reversed his car until it hit the police vehicle which was obstructing from behind. The facts that the car driven by the accused was dented at the back could not be disputed. It should also be noted that the incident took place at night at a secluded area and under the normal circumstances the accused should not even be there (see para 18).

(4) Looking at the testimony of DW2 as a whole, the court found that DW2's memory on what had taken place on the day of the incident was selective. She only remembered the evidence which could be of help to the accused. DW2's evidence also did not fit with the rest of the evidence and circumstances of the case. It was not reasonable if DW2, who was leaning on the shoulder of the accused, could not see the drugs that was on the car floor mat of the driver's side of the car that was driven by the accused (see para 27).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kegagalan memanggil saksi, lihat 7(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2006 Reissue) perenggan 2743–2750.

Untuk kes-kes mengenai kes prima facie, lihat 5(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 2945–2957.

Untuk kes-kes mengenai s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952, lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 320–446.

Kes-kes yang dirujuk

Abdullah Zawawi v PP [1985] 2 MLJ 16, MA (dibeza)

Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85, MP (dirujuk)

Cheah Yoon Lim v Pendakwa Raya [2008] MLJU 0458, MT (dirujuk)

Johar bin Mustapha v PP [2008] 6 MLJ 806; [2008] 5 CLJ 537, MR (dirujuk)
Looi Kow Chai & Anor v PP [2003] 2 MLJ 65; [2003] 2 AMR 89, MR (dirujuk)
Mat v PP [1963] MLJ 236, MT (dirujuk)
Miller v Minister of Pensions [1947] 2 All ER 372, KBD (dirujuk)
Mohamad Yazri bin Minhat v PP [2003] 2 MLJ 241, MR (dirujuk)
Mohamed Yatin bin Abu Bakar v PP [1950] MLJ 57, MT (diikut)
Mohammed Radzi bin Yaacob v PP [1991] 3 MLJ 169, MA (dirujuk)
Mohd Hazrin Md Sari v PP [2008] 3 MLJ 798; [2008] 5 CLJ 361, MR (dirujuk)
Munusamy v PP [1987] 1 MLJ 492; [1987] 1 CLJ 250, MA (dirujuk)
Nordin Atan & Anor v PP [2000] 5 CLJ 334, MT (dirujuk)
Ong Ah Chuan v PP [1981] 1 MLJ 64, PC (dirujuk)
PP v Abdul Rahman bin Akif [2007] 5 MLJ 1; [2007] 4 CLJ 337, MP (dirujuk)
PP v Dato' Harun bin Haji Idris [1977] 1 MLJ 14, MT (dirujuk)
PP v Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (No 3) [1999] 2 MLJ 1; [1992] 2 CLJ 215, MT (dirujuk)
PP v Mohd Bandar Shah Nordin & Anor [2008] 4 MLJ 556; [2008] 4 CLJ 859, MR (dirujuk)
PP v Mohd Radzi bin Abu Bakar [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457, MP (dirujuk)
PP v Ouseng Sama-Ae [2008] 1 CLJ 337, MR (dirujuk)
PP v Saimin & Ors [1971] 2 MLJ 16; [1971] LNS 115, MT (dirujuk)
PP v Yuvaraj [1969] 2 MLJ 89, PC (dirujuk)
Parlan bin Dadeh v PP [2008] MLJU 0531, MT (dirujuk)
Samundee Devan a/l Kerishnan Muthu v PP [2008] 5 AMR 517, MR (dirujuk)
Teng Boon How v Pendakwa Raya [1993] 3 MLJ 553; [1993] 4 CLJ 545, MA (dirujuk)
Ti Chuee Hiang v PP [1995] 2 MLJ 433, MA (dibeza)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 37(da), 39B(1)(a), 39B(2)
Akta Keterangan 1950 s 114(g)
Kanun Prosedur Jenayah s 180(1)

Idham bin Abdul Ghani (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor) bagi pihak pendakwaan.
Norman Fernandez (Ashekin Norman Fernandez & Associates) bagi pihak tertuduh.

Mohd Zawawi PK:

LATAR BELAKANG

[1] Fernandes ('OKT'), seorang warganegara Indonesia, telah dituduh mengedar dadah berbahaya, iaitu cannabis seberat 938.91g, satu kesalahan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB 1952') yang boleh dihukum di bawah s 39B(2) Akta yang sama.

[2] OKT tidak mengaku bersalah dan minta dibicarakan.

[3] Di akhir perbicaraan, mahkamah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes tanpa keraguan yang munasabah. Berikutannya, OKT didapati bersalah dan disabitkan serta dihukum gantung mengikut undang-undang.

PERTUDUHAN

[4] Pertuduhan yang dikemukakan terhadap OKT adalah seperti yang berikut:

> Bahawa kamu pada 29hb April 2004, jam lebih kurang 9.15 malam, di Jalan Kubur, Kampung Bakar Batu, di dalam daerah Johor Bahru, di dalam negeri Johor Darul Ta'zim telah memperedarkan dadah berbahaya iaitu sejumlah 938.91 gram cannabis dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama.

KES PIHAK PENDAKWAAN

[5] Seramai lapan orang saksi telah dipanggil oleh pihak pendakwaan bagi membuktikan kes terhadap OKT. Saksi-saksi tersebut ialah Kpl Sholeh bin Yaakub ('SP1'), anggota serbuan, Kpl Zakaria bin Bachok ('SP2'), jurufoto, Encik Soupy Daud ('SP3'), ahli kimia, Cik Rosfaizah bt Morgi ('SP4'), tuan punya kereta di mana ekshibit dadah dijumpai, Kpl Hamizan bt Ramli ('SP5'), penjaga stor barang kes, Kpl Jasmawi bin Ali Othman ('SP6'), anggota serbuan, Insp Mohd Fami bin Jaafar ('SP7'), pegawai penyiasat dan D/Kpl Azman bin Minhat ('SP8'), ketua anggota serbuan.

[6] Kes pihak pendakwaan bolehlah diringkaskan seperti berikut:

6.1 Pada 29 April 2004, SP8 menerima satu maklumat melalui telefon daripada seorang lelaki yang tidak dikenali mengatakan bahawa suatu transaksi pengedaran ganja akan dilakukan di Jalan Kubur, Kampung

Bakar Batu, Johor Bahru ('tempat sasaran'). Pemberi maklumat juga memaklumkan bahawa ganja itu akan diedar oleh seorang lelaki dengan memandu sebuah kereta Proton Wira bernombor pendaftaran JGS 2445;

6.2 SP8 telah mengumpulkan seramai tujuh orang anggota untuk menghadiri taklimat operasi yang akan dijalankan, termasuklah SP1 dan SP6. SP8 membahagikan anggota-anggota yang terlibat kepada dua kumpulan di mana Kumpulan I akan menghalang kereta suspek di bahagian hadapan dan Kumpulan II akan menghalang kereta suspek di bahagian belakang;

6.3 Mereka pergi ke tempat sasaran dengan dua buah kenderaan, iaitu sebuah kenderaan pasukan dan sebuah lagi kenderaan kepunyaan anggota. Kenderaan-kenderaan itu tidak bertanda. Mereka sampai di tempat sasaran pada jam 8.40 malam dan mengambil tempat masing-masing seperti yang ditaklimatkan;

6.4 Selepas membuat pemerhatian di tempat sasaran selama lebih kurang 30 minit, mereka melihat sebuah kereta bernombor pendaftaran JGS 2445 berhampiran dengan bengkel membaiki kapal (lihat gambar tempat kejadian di eksh P7A). Kemudiannya, kedua-dua kenderaan anggota serbuan itu menuju ke kereta sasaran di mana kenderaan Kumpulan I menghalang kereta suspek dari bahagian hadapan dan kenderaan Kumpulan II menghalang kereta suspek dari bahagian belakang. Hanya terdapat suspek seorang diri sahaja di dalam kereta itu;

6.5 SP8 keluar dari kenderaan yang dinaikinya dan menghampiri kereta suspek di mana cermin tingkapnya tidak tertutup. Apabila SP8 cuba mematikan enjin kereta itu dengan mengambil suis kereta, suspek cuba mengundurkan keretanya dan melanggar kenderaan polis yang membuat halangan di bahagian belakang. Akibat pelanggaran tersebut, kereta suspek kemek (lihat gambar di eksh P6A). SP8 terus mematikan enjin kereta suspek dan mengambil suis kereta itu. SP8 memperkenalkan dirinya sebagai anggota polis;

6.6 SP8 mengarahkan suspek keluar dari kereta. Pemeriksaan badan OKT dibuat tetapi tidak menjumpai apa-apa barang salah. Pemeriksaan dalam beg duit mendapati salinan wang kiriman atas nama Fernandes (lihat eksh P17). Seterusnya, SP8 membuat pemeriksaan di dalam kereta suspek di mana dijumpai satu ketulan mampat yang dibalut dengan 'loytape' yang dibungkus dengan kertas timah lutsinar dan diikat dengan tali rafia berwarna merah (lihat gambar di eksh P5). Ekshibit ini dijumpai di tempat alas kaki bahagian pemandu (lihat tanda 'X' dalam gambar di eksh P6B). Pemeriksaan lanjut di dalam boot kereta suspek tidak menjumpai apa-apa barang salah;

6.7 Suspek kemudiannya, dicamkan oleh saksi-saksi pendakwaan sebagai OKT dalam kes ini;

6.8 OKT dan barang kes yang dirampas kemudiannya dibawa ke Balai Polis dengan dikawal oleh SP8 dan seterusnya diserahkan kepada SP7 untuk tindakan susulan. Borang Bongkar (eksh P18) dan Sijil Serah-Menyerah disediakan (eksh P19);

6.9 SP7 telah membuat penandaan ke atas barang-barang kes dan menghantarkannya kepada ahli kimia (SP3) untuk dianalisis pada 5 Mei 2004. Selepas analisis dibuat, SP3 mengesahkan bahawa bahan mampat tersebut ialah cannabis seberat 938.91g (lihat laporan kimia di eks P15). Peguambela terpelajar tidak mencabar keterangan ahli kimia. Mahkamah berpuas hati bahawa analisis yang dibuat oleh SP3 tidak mengalami apa-apa kecacatan;

6.10 SP1, SP6 dan SP8 semuanya menafikan cadangan yang dibuat oleh peguambela terpelajar semasa soal balas bahawa ekshibit dadah tidak dijumpai di atas alas kaki bahagian pemandu kereta yang dipandu oleh OKT dan juga menafikan bahawa ekshibit dadah itu sebenarnya dijumpai di rumah sewa OKT. Walau bagaimanapun, SP8 bersetuju bahawa dadah dengan saiz dan bentuk yang sama dengan dadah yang dijumpai di dalam kereta yang dipandu oleh OKT ada dijumpai di rumah sewa OKT. SP8 bersetuju bahawa dia ada pergi ke rumah sewa OKT tetapi anggota-anggota polis yang terlibat dengan kes di rumah sewa OKT itu adalah dari Balai Polis Plentong. Ia diketuai oleh Insp Mohd Toher (SP8);

6.11 Mengikut SP7, OKT tidak dituduh dengan dadah yang dijumpai di rumah sewanya atas arahan timbalan pendakwa raya. Kes dadah yang dijumpai di rumah sewa OKT ialah berkaitan dengan Plentong Report 7968/04 di mana pengadunya ialah Insp Mohd Toher. Walau bagaimanapun, SP7 tidak dapat memberi kepastian sama ada selepas OKT ditangkap, dia dibawa terus ke balai polis atau dibawa ke rumah sewanya terlebih dahulu. SP7 bersetuju dengan cadangan peguambela terpelajar bahawa saiz, bentuk dan ikatan dadah yang dijumpai di dalam kereta yang dipandu oleh OKT adalah sama dengan dadah yang dijumpai di rumah sewa OKT;

6.12 Menurut SP7 lagi, berkaitan dengan kes di hadapan mahkamah, SP8 telah menyerahkan kepadanya dua laporan polis iaitu JBS 10363/04 (eksh P22) dan JBS 010360/04 (eksh P23).

BEBAN BUKTI ATAS PIHAK PENDAKWAAN

[7] Adalah menjadi kewajipan pihak pendakwaan untuk membuktikan satu kes prima facie terhadap OKT sebagaimana yang diperuntukkan

di bawah s 180(1) Kanun Prosedur Jenayah. Langkah-langkah yang perlu diambil oleh hakim perbicaraan di akhir kes pihak pendakwaan telah dihuraikan dalam kes-kes *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457, *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85, *Looi Kow Chai & Anor v Public Prosecutor* [2003] 2 MLJ 65; [2003] 2 AMR 89 dan *Public Prosecutor v Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (No 3)* [1999] 2 MLJ 1; [1999] 2 CLJ 215. Mahkamah telah menilai keterangan pihak pendakwaan secara maksimum dan bertanya soalan ini:

> If I decide to call upon the accused to enter his defence and he elects to remain silent, am I prepared to convict him on the totality of the evidence contained in the prosecution case? If the answer is in the negative, then no prima facie had been made out and the accused would be entitled to an acquittal …

KEPUTUSAN MAHKAMAH DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[8] Encik Norman Fernandez, peguambela terpelajar yang mewakili OKT menghujahkan bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes prima facie kerana terdapat keraguan sama ada ekshibit dadah yang menjadi hal perkara pertuduhan telah dijumpai di dalam kereta yang dipandu oleh OKT atau di rumah sewanya. Beliau menjemput mahkamah mengambilkira perkara-perkara berikut:

(a) Pihak pembelaan telah mengemukakan soalan-soalan kepada saksi-saksi pihak pendakwaan terutamanya SP1, SP6 dan SP8 bahawa tidak ada apa-apa dadah dijumpai di dalam kereta yang dipandu oleh OKT tetapi anggota-anggota polis sebenarnya telah membawa OKT ke rumah sewanya selepas dia ditahan. Ekshibit berkenaan dijumpai di rumah sewa OKT;

(b) Terdapat percanggahan keterangan antara SP1, SP6 dan SP8 tentang sama ada OKT telah dibawa ke rumah sewanya terlebih dahulu selepas beliau ditangkap sebelum dibawa ke Balai Polis; dan

(c) Anggota-anggota polis dari Balai Polis Plentong yang terlibat dengan serbuan dan pemeriksaan di rumah sewa OKT telah tidak dipanggil memberi keterangan. Oleh itu terdapat lompang dalam kes pihak pendakwaan.

Isu (a)

[9] Adalah diakui bahawa peguambela terpelajar telah mengemukakan soalan-soalan kepada saksi-saksi pendakwaan bahawa ekshibit dadah yang menjadi hal perkara pertuduhan tidak dijumpai di dalam kereta yang dipandu oleh OKT tetapi sebaliknya dikatakan dijumpai di rumah sewa

OKT. Walau bagaimanapun, semua saksi pendakwaan yang diajukan soalan itu telah menafikannya. Semasa disoal balas, SP1 berkata: 'Saya tidak setuju tidak ada dadah dijumpai di tempat alas kaki (lihat ms 11 rekod rayuan). Apabila disoal balas, SP6 berkata: 'Saya tidak setuju bahawa tidak ada apa-apa barang dikeluarkan dari dalam kereta. Saya tidak setuju bahawa tidak ada apa-apa barang salah dijumpai dalam kenderaan' (lihat ms 28 rekod rayuan). SP8 juga membuat penafian yang sama. SP8 berkata: 'Saya tidak setuju yang tiada apa-apa dadah dijumpai di tempat alas kaki pemandu kereta itu. Saya tidak setuju yang dadah itu dijumpai di rumah dan bukan di tempat alas kaki pemandu' (lihat ms 41 rekod rayuan).

Isu (b)

[10] Tidak terdapat apa-apa percanggahan antara keterangan SP1, SP6 dan SP8 bahawa ekshibit dadah yang menjadi hal perkara pertuduhan telah dijumpai di tempat alas kaki bahagian pemandu kereta yang dipandu oleh OKT. SP1 mengatakan dia nampak SP8 mengambil satu ketulan mampat yang berbungkus kertas timah dan selotape lutsinar yang diikat dengan tali berwarna merah di tempat alas kaki bahagian pemandu kereta yang dipandu oleh OKT. Ekshibit P5 telah dicamkan oleh SP1 sebagai gambar ekshibit sebagaimana yang dijumpai oleh SP8. Mengikut SP1, ekshibit itu dijumpai di tempat yang beliau tandakan sebagai 'X' atas eksh P6B. Keterangan SP1 telah disokong oleh keterangan SP6. SP6 nampak SP8 mengeluarkan satu bungkusan di sebelah tempat duduk pemandu. Walau bagaimanapun, SP1 tidak diberitahu di manakah SP8 menjumpai ekshibit dadah di dalam kereta yang dipandu oleh OKT. SP6 berada lebih kurang dua kaki dari kereta OKT. SP8 dalam keterangannya mengatakan:

> Seterusnya saya buat pemeriksaan di dalam kereta itu di mana saya jumpai satu bungkusan mampat yang dibalut dengan loytape yang dibungkus kertas timah lutsinar dan diikat dengan tali berwarna merah. Saya jumpa di tempat alas kaki bahagian pemandu (lihat rekod rayuan di ms 38, perenggan 3 dan 4). Apabila SP8 ditunjuk dengan eksh P5, dia mengecamkannya sebagai gambar yang menunjukkan bentuk fizikal ketulan mampat yang dijumpai. SP8 juga mengesahkan bahawa ekshibit dadah dijumpai di tempat bertanda 'X' dalam gambar eksh P6B.

[11] Memang benar SP1 dan SP6 dalam keterangan mereka mengatakan bahawa selepas ekshibit dadah dijumpai di dalam kereta dan OKT ditangkap, dia telah dibawa ke balai polis dan tidak berhenti di mana-mana tempat. Sementara SP8 dalam keterangannya pula mengatakan bahawa OKT telah dibawa ke balai polis dan kemudiannya telah dibawa ke rumah sewanya di mana dadah dalam bentuk dan saiz seperti yang dijumpai di dalam kereta telah ditemui di rumah sewa tersebut. Mahkamah berpendapat bahawa berdasarkan kepada keterangan tersebut tidak ada apa-apa percanggahan

antara keterangan SP1, SP6 dan SP8. SP1 dan SP6 menjelaskan bahawa OKT dibawa ke balai polis selepas ditangkap dan SP8 menjelaskan bahawa selepas dibawa ke balai, OKT kemudiannya ada dibawa ke rumah sewanya. Di manakah aspek keterangan yang dikatakan bercanggah atau boleh menimbulkan keraguan sama ada ekshibit dadah yang menjadi hal perkara pertuduhan dijumpai di dalam kereta yang dipandu oleh OKT atau dijumpai di rumah sewanya? Keterangan SP1, SP6 dan SP8 adalah selari dan menyokong antara satu sama lain.

[12] Adalah menjadi undang-undang yang mantap bahawa cadangan peguambela kepada saksi tidak boleh menggantikan keterangan. Dalam kes *Public Prosecutor v Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (No 3)* [1999] 2 MLJ 1, Augustine Paul H berkata di ms 121:

> A suggestion in cross-examination can only be indicative of the case put forward or the stand taken by the party on whose behalf the cross-examination is being conducted; but to no extent whatsoever can it be 'substitute for evidence, if it is clearly repudiated by the witness to whom it is made'.

Isu (c)

[13] SP8 mengakui bahawa selepas OKT ditangkap, dia dibawa balik ke balai polis terlebih dahulu dan setelah laporan selesai dibuat, satu lagi serbuan diadakan di rumah sewa OKT. Walaupun SP8 ada bersama-sama dengan OKT semasa serbuan dibuat di rumah sewa OKT, namun anggota-anggota yang terlibat adalah tidak sama dengan anggota-anggota yang terlibat dengan penangkapan dan serbuan terhadap kereta yang dipandu oleh OKT. Anggota-anggota yang terlibat ialah dari Balai Polis Plentong sedangkan SP8 adalah dari Balai Polis Sentral. Serbuan di rumah sewa OKT diketuai oleh Insp Mohd Toher dan dadah yang dirampas di rumah sewaan itu juga dibawa balik ke Balai Polis Plentong oleh Insp Mohd Toher.

[14] Peguambela terpelajar berhujah bahawa kegagalan memanggil anggota-anggota polis yang membuat serbuan dan pemeriksaan di rumah sewa OKT telah mewujudkan lompang/jurang dalam kes pendakwaan dan s 114(g) Akta Keterangan 1950 perlu digunapakai. Rujukan dibuat kepada kes *Ti Chuee Hiang v Public Prosecutor* [1995] 2 MLJ 433. Dengan hormat, mahkamah ini tidak bersetuju. Semua saksi yang terlibat dengan penangkapan dan perampasan ekshibit dadah yang dijumpai dalam kereta yang dipandu oleh OKT telah dipanggil oleh pihak pendakwaan (SP1, SP6 dan SP8). SP4 yang berada di kereta Kumpulan II juga telah dipanggil memberi keterangan.

[15] Mahkamah berpendapat bahawa anggota-anggota polis yang membuat serbuan dan pemeriksaan di rumah sewa OKT bukanlah merupakan 'witnesses essential to the unfolding of the narrative of the prosecution case' kerana:

(a) ekshibit dadah yang menjadi hal perkara pertuduhan tidak dijumpai di rumah sewa OKT tetapi sebaliknya dijumpai di dalam kereta yang dipandu oleh OKT;

(b) tidak ada apa-apa pertuduhan dikemukakan terhadap OKT berhubung dengan penemuan dadah di rumah sewanya;

(c) keterangan anggota-anggota yang membuat serbuan dan pemeriksaan di rumah sewa OKT tidak akan membawa apa-apa perbezaan kepada kes pihak pendakwaan kerana mengikut pertuduhan, kesalahan dikatakan dilakukan di Jalan Kubur, Kampung Bakar Batu dan bukan di rumah No 39, Jalan Rose Merah 3/8, Taman Johor Jaya, iaitu rumah sewa OKT. Keterangan SP1, SP6 dan SP8 mengenai apa yang berlaku di tempat kejadian adalah memadai untuk membuktikan kes pihak pendakwaan. Kes-kes *Ti Chuee Hiang v PP* dan *Abdullah Zawawi v Public Prosecutor* [1985] 2 MLJ 433 tidak terpakai berdasarkan fakta yang wujud dalam kes ini. Seksyen 114(g) Akta Keterangan 1950 juga tidak boleh digunakan (lihat kes *Munusamy v Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 492; [1987] 1 CLJ 250).

[16] Dalam penghujahan alternatifnya, peguam terpelajar menyatakan tidak ada keterangan yang boleh dibuat inferens bahawa OKT mengetahui ekshibit yang dijumpai di dalam kereta yang dipandunya itu mengandungi dadah berbahaya. Oleh itu, persoalan yang perlu diputuskan ialah sama ada OKT mempunyai pengetahuan yang diperlukan bagi membolehkan anggapan statutori di bawah s 37(da) ADB 1952 dibangkitkan.

[17] Seperti juga perkara lain yang berkaitan dengan minda, pengetahuan selalunya tidak dapat dibuktikan melalui keterangan langsung tetapi boleh dibuat inferens melalui fakta dan keadaan yang wujud dalam sesuatu kes (lihat kes-kes *Parlan bin Dadeh v Public Prosecutor* [2008] MLJU 0531, *Johar bin Mustapha v Public Prosecutor* [2008] 6 MLJ 806; [2008] 5 CLJ 537, *Samurdee Devan a/l Kerishnan Muthu v Public Prosecutor* [2008] 5 AMR 517 dan *Public Prosecutor v Ouseng Sama-Ae* [2008] 1 CLJ 337).

[18] Pada pandangan mahkamah, berdasarkan fakta yang wujud dalam kes ini, inferens boleh dibuat bahawa OKT mengetahui tentang kewujudan dadah berbahaya yang terdapat di alas kaki bahagian pemandu. OKT ialah pemandu kereta itu dan tiada orang lain di dalam kereta berkenaan. Mengikut SP8, apabila dia cuba mengambil suis kereta yang dipandu oleh OKT, OKT telah mengundurkan keretanya sehingga melanggar kenderaan

polis yang menghalang di bahagian belakang. Fakta bahawa kereta yang dipandu oleh OKT telah kemek di bahagian belakang tidak boleh dipertikaikan. Perlu juga diberi perhatian bahawa kejadian berlaku pada waktu malam di suatu kawasan yang sunyi dan dalam keadaan biasa OKT tidak sepatutnya berada di situ.

[19] Dalam kes *Public Prosecutor v Abdul Rahman bin Akif* [2007] 5 MLJ 1; [2007] 4 CLJ 337 telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan:

> ... [t]he presence of the three packages in the car without a plausible explanation from the respondent could give rise to a strong inference that he had knowledge that the packages contained drugs or things of similar nature (see also *Lim Beng Soon v Public Prosecutor* [2004] 4 SLR 589). We further agree with the prosecution that the fact that the drug was found wrapped in newspaper is no ground for saying that an inference could not be drawn against the respondent that he had the requisite knowledge.

Berhubung dengan pengedaran, Mahkamah Persekutuan berkata:

> The next question is whether there is evidence of trafficking by the respondent in the said drug. In this case the amount of cannabis involved is 4,826.9g in weight, which well in excess of 200g, thus triggering the statutory presumption of trafficking as provided in s 37(da) of the Act.

(Lihat juga kes-kes *Mohamad Yazri bin Minhat v Public Prosecutor* [2003] 2 MLJ 241 dan *Ong Ah Chuan v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 64.).

[20] Sebagai kesimpulan, mahkamah memutuskan bahawa berdasarkan keterangan terus, OKT telah dibuktikan mempunyai milikan sebenar ('in actual possession') dadah yang menjadi hal perkara pertuduhan dan oleh kerana dadah berbahaya itu ialah seberat 938.91g cannabis, anggapan di bawah s 37(da) adalah terpakai. Oleh itu, OKT telah diperintah untuk membela diri atas pertuduhan asal.

KES PEMBELAAN

[21] OKT telah memilih untuk memberi keterangan atas sumpah. Keterangan OKT boleh diringkaskan seperti berikut:

21.1 OKT menyatakan bahawa beliau bekerja sebagai buruh kasar membaiki rumah di merata tempat di negeri Johor. Menurut OKT, beliau ada meminjam kereta milik SP4 pada 29 April 2004, jam lebih kurang 3 petang, bertujuan untuk menemani teman wanitanya bernama Zaiton ('DW2') ke majlis hari jadi. Menurut OKT, beliau mengenali DW2 empat bulan sebelum dia ditangkap. Menurut OKT, DW2 tinggal di Jalan Tok Siak, Bakar Batu iaitu kira-kira 200 meter dari tempat kejadian;

21.2 OKT seterusnya menyatakan bahawa mereka balik dari majlis tersebut selepas Maghrib dan telah singgah di Pasar Raya The Store di Sentosa untuk membeli barang keperluan DW2. Mereka juga ada singgah di satu gerai menjual durian berdekatan kawasan tersebut. Selepas itu, OKT telah menghantar DW2 balik ke rumah dan tiba di sana jam 9 malam. OKT kemudiannya berbual-bual dengan DW2 selama 15 minit sebelum bertolak untuk balik. Semasa dalam perjalanan balik, OKT menyatakan bahawa beliau ada menerima panggilan telefon daripada DW2 yang memaklumkan bahawa DW2 ada tertinggal barang di bahagian tempat duduk sebelah belakang kereta;

21.3 Menurut OKT, beliau telah menoleh ke bahagian belakang dalam kereta dan mendapati tiada apa-apa barang di situ. OKT kemudiannya telah cuba berhenti di tepi jalan kampung yang sempit. Pada masa itu, dari arah belakang keretanya, OKT nampak sebuah kereta yang cuba memotong keretanya. Menurut OKT, kereta tadi telah memintas keretanya dan berhenti di hadapan keretanya. OKT terpaksa membrek keretanya dan tiba-tiba sebuah kereta lain di belakang telah melanggar bahagian belakang keretanya yang menyebabkan enjin keretanya mati;

21.4 OKT seterusnya menyatakan bahawa dua orang telah keluar dari kereta hadapan sambil mengacukan pistol ke arahnya. Menurut OKT, beliau tahu mereka adalah polis apabila tingkap keretanya diketuk dan kata mereka polis. OKT kemudiannya telah keluar dari kereta setelah diarahkan oleh polis dan polis ada bertanya kepada beliau mengenai lesen memandu. Menurut OKT, pada masa itu, beliau tidak mempunyai lesen memandu dan kad pengenalannya tertinggal di rumah;

21.5 OKT seterusnya menyatakan bahawa polis ada bertanya kepada beliau mengenai kewarganegaraannya kerana dia tidak memiliki kad pengenalan. Polis mengesyaki OKT memandu kereta curi kerana dia tidak memiliki lesen memandu. Polis ada membuat pemeriksaan badan tetapi tidak menjumpai apa-apa barang salah. Polis juga tidak membuat pemeriksaan di dalam kereta;

21.6 OKT seterusnya menafikan bahawa ada dadah dijumpai di dalam keretanya. Menurut OKT, selepas beliau ditangkap, dia telah dibawa ke Balai Polis Sentral dan apabila tiba di sana, OKT diarah duduk sahaja. Polis kemudiannya bertanya beliau tentang alamat rumah. Kemudiannya beliau telah dibawa ke rumah yang ditumpangi bersama-sama kawannya bernama Al Fazri dan Iwan;

21.7 Menurut OKT, apabila sampai di rumah sewanya, kunci rumah tidak ada padanya dan polis kemudiannya telah memecah pintu rumah tersebut. Pemeriksaan yang dijalankan oleh polis di dalam rumah tersebut telah menjumpai dadah di bahagian dapur rumah. Dadah itu

adalah sama seperti dadah yang ditunjukkan dalam eksh P5. Menurut OKT, polis yang menjumpai dadah tersebut adalah polis lain dan bukan polis yang membawanya ke rumah itu;

21.8 Semasa disoal balas, OKT mengesahkan bahawa beliau ada mengenali Rosfaizah (SP4) lebih kurang lima bulan sebelum dia ditangkap. Walau bagaimanapun, OKT menafikan bahawa beliau ada memberitahu SP4 bahawa beliau berasal dari Sabah dan bekerja sebagai pegawai pemasaran;

21.9 Semasa di soal balas juga OKT mengakui bahawa beliau ada meminjam kereta daripada SP4. Menurut OKT, beliau meminjam kereta SP4 pada sebelah petang pada hari beliau ditangkap. Menurut OKT, beliau mengambil kereta tersebut daripada SP4 di pejabat SP4 di Taman Daya. OKT bersetuju bahawa sebelum kereta itu diserahkan kepadanya, SP4 telah mengosongkan kereta tersebut;

21.10 OKT tidak bersetuju bahawa kereta yang dipandunya telah melanggar kereta anggota polis yang berada di belakang keretanya semasa dia cuba untuk melarikan diri. Sebaliknya OKT menyatakan bahawa keretanya telah dilanggar dari belakang oleh kereta anggota polis yang berada di belakangnya;

21.11 OKT juga tidak bersetuju bahawa anggota polis ada memperkenalkan diri mereka sebagai polis dan tidak mengeluarkan pistol. OKT juga tidak bersetuju bahawa beliau telah memadamkan lampu kereta tetapi enjin kereta tidak dimatikan semasa dia berhenti di kawasan tersebut. OKT juga tidak bersetuju bahawa cermin kereta bahagian depan tempat duduk pemandu dalam keadaan terbuka. OKT seterusnya menafikan bahawa ada dadah dijumpai di dalam kereta di bahagian alas kaki tempat duduk pemandu;

21.12 Semasa disoal balas OKT bersetuju bahawa dia ada memberitahu pihak polis, bahawa kereta tersebut adalah milik SP4. OKT tidak bersetuju bahawa beliau berhenti di tempat kejadian kerana dia menunggu seseorang. OKT juga tidak bersetuju bahawa semasa ditahan, beliau berada dalam keadaan meronta-ronta dan ketakutan. OKT menafikan bahawa beliau sendiri yang letak dadah di tempat tersebut;

21.13 OKT juga tidak bersetuju yang dia dibawa ke rumah sewanya di Seri Alam lanjutan dari dadah yang dijumpai di dalam keretanya. Walau bagaimanapun, OKT tidak bersetuju sekiranya tiada dadah dijumpai di dalam keretanya, beliau tidak akan dibawa ke balai polis;

21.14 Semasa disoal balas, OKT menyatakan bahawa beliau tinggal di rumah tersebut lebih kurang tiga bulan sebelum tarikh dia ditangkap di mana sewa rumah dibayar kepada Al Fazri. Menurut OKT, beliau tidak tahu siapakah pemilik rumah tersebut;

21.1 Semasa disoal semula, OKT memberitahu bahawa dia ada memberitahu polis siapakah pemilik kereta tersebut. OKT seterusnya menyatakan bahawa di dalam poket seluarnya, selain ada slip Maybank atas namanya, terdapat juga duit dan kunci rumah.

[22] Bagi menyokong keterangan OKT, pihak pembelaan turut memanggil Cik Zaiton bt Abdul Rahman ('DW2') untuk memberi keterangan. Keterangan DW2 bolehlah diringkaskan seperti berikut:

22.1 DW2 di dalam pemeriksaan utama menyatakan bahawa beliau telah mengenali OKT semenjak bulan Disember 2003 dan hubungan mereka adalah sebagai teman istimewa. DW2 mengesahkan bahawa beliau tinggal di Kampung Tok Siak, berdekatan dengan Kampung Bakar Batu. Menurut DW2, OKT ada menjemput beliau pada 29 April 2004 di rumahnya untuk pergi ke majlis hari jadi kawan bernama Halizawati di Tampoi Utama;

22.2 Menurut DW2 lagi, OKT datang dengan kereta proton silver dan menjemput beliau di rumahnya pada jam 4 petang. Selepas majlis iaitu pada waktu Maghrib, DW2 dan OKT telah pergi ke The Store, Taman Sentosa untuk membeli sedikit barang keperluan beliau. Menurut DW2, barang-barang yang dibeli itu diletakkan di 'seat' penumpang di bahagian belakang kereta;

22.3 Menurut DW2, beliau tidak ada melihat bungkusan sebagaimana yang terdapat dalam gambar eksh P5 semasa bonet kereta dibuka. Begitu juga di dalam kereta. Sepanjang perjalanan balik ke rumah, DW2 ada bersandar bahu dengan OKT. Oleh itu, DW2 menegaskan bahawa dia boleh nampak bungkusan seperti yang ditunjukkan dalam eksh P5 sekiranya bungkusan itu berada di atas alas kaki bahagian pemandu kereta yang dipandu oleh OKT;

22.4 DW2 seterusnya mengesahkan bahawa mereka ada singgah membeli durian, sebelum balik ke rumahnya;

22.5 DW2 seterusnya menyatakan dia ada menghubungi OKT selepas 2–3 minit OKT berlepas dari rumahnya kerana dia merasakan bahawa ada barang-barangnya yang tertinggal di dalam kereta. DW2 telah meminta OKT untuk memeriksa bahagian belakang kereta untuk menentukan sama ada terdapat barang-barang milik beliau di dalam kereta, di bahagian belakang tempat duduk penumpang. OKT memberitahu DW2 bahawa tidak ada apa-apa barang-barang DW2 di situ. Semasa bercakap dengan OKT, DW2 ada mendengar suara semacam OKT bercakap dengan polis dan kemudiannya talian telefon terputus. Kemudiannya DW2 cuba menelefon OKT tetapi tidak berjaya;

22.6 Semasa disoal balas, DW2 mengesahkan bahawa dia tidak boleh mengingati baju, seluar dan kasut yang dipakai oleh OKT pada hari

kejadian. DW2 mengesahkan yang dia ada 'landing' di bahu OKT semasa berada di dalam kereta untuk pergi dan balik dari majlis hari jadi;

22.7 DW2 menyatakan bahawa beliau boleh nampak 'brake' dan 'clutch' kereta yang dipandu oleh OKT semasa dia bersandar pada bahu OKT. DW2 tidak bersetuju yang beliau tidak boleh nampak tempat yang bertanda 'X' seperti yang ditunjuk dalam gambar eksh P5;

22.8 DW2 juga tidak boleh mengingati nombor telefon OKT. DW2 juga mengesahkan bahawa polis tidak ada pada bila-bila masa menelefonnya;

22.9 Semasa pemeriksaan semula, DW2 pada mulanya menyatakan bahawa beliau tidak ingat sama ada OKT memakai seluar panjang atau pendek semasa hari kejadian kerana beliau tidak beri perhatian kepada perkara itu. Walau bagaimanapun, kemudiannya DW2 mengatakan bahawa OKT memakai seluar panjang pada hari kejadian.

PENILAIAN KETERANGAN PEMBELAAN

[23] Berdasarkan keterangan yang dikemukakan, terdapat dua versi yang berlainan di hadapan mahkamah berhubung dengan fakta sama ada ekshibit dadah yang menjadi hal perkara pertuduhan dalam kes ini dijumpai di dalam kereta yang dipandu oleh OKT atau di rumah sewanya. Bagi menilai keterangan sedemikian, mahkamah ini memakai pendekatan seperti yang diputuskan dalam kes *Mohamed Yatin bin Abu Bakar v Public Prosecutor* [1950] MLJ 57, apabila Spencer-Wilkinson H berkata:

> That is not the correct approach to a decision in a criminal case to approach the question of the guilt or innocence of the accused on the basis of deciding which of two stories the court should believe, but the court should consider whether the story of the accused has thrown a reasonable doubt on the truth of the prosecution case and, if so, the accused is entitled to an acquittal.

[24] Selepas meneliti semua keterangan yang dikemukakan, mahkamah berpendapat bahawa pihak pembelaan telah gagal menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan atas alasan-alasan yang berikut:

(a) Mahkamah tidak mempunyai apa-apa alasan untuk meragui kebenaran atau kredibiliti saksi-saksi pihak pendakwaan terutama SP1, SP6 dan SP8 yang menyatakan dengan tegas bahawa ekshibit dadah yang menjadi hal perkara pertuduhan kes ini telah dijumpai di atas alas kaki bahagian pemandu kereta yang dipandu oleh OKT. Keterangan OKT yang menyatakan bahawa anggota polis hanya membuat pemeriksaan tubuh badan beliau sahaja dan tidak membuat pemeriksaan di dalam kereta yang dipandunya tidak dapat diterima. Adalah sesuatu yang

janggal bagi pihak polis untuk tidak membuat pemeriksaan di dalam kereta tersebut kerana operasi yang dijalankan adalah atas maklumat yang diterima. Sekiranya dakwaan OKT bahawa kereta itu ialah disyaki sebagai kereta curi adalah benar, mengapakah pihak polis tidak menghubungi pemiliknya iaitu SP4 sebaik sahaja OKT ditangkap sedangkan OKT mengatakan dia ada memberitahu polis pemiliknya;

(b) pembelaan OKT juga seolah-olah menunjukkan bahawa anggota-anggota polis telah menganiaya beliau di mana anggota-anggota polis dikatakan telah meletakkan ekshibit dadah di dalam kereta yang dipandunya pada malam kejadian. Pernyataan ini adalah semata-mata berdasarkan fakta bahawa dadah yang mempunyai saiz, bentuk dan ikatan yang sama telah dijumpai di rumah sewanya. Ia adalah tidak munasabah;

(c) cerita OKT mengenai serbuan dan pemeriksaan polis di rumah sewanya, dalam aspek tertentu, tidak memberi keyakinan kepada mahkamah kerana semasa pemeriksaan utama, OKT menyatakan bahawa semasa beliau dibawa ke rumah sewanya di Seri Alam, dia tidak mempunyai kunci rumah tersebut. Ini menyebabkan pihak polis terpaksa memecah pintu masuk ke dalam rumah. Sedangkan semasa pemeriksaan semula oleh timbalan pendakwa raya terpelajar, OKT menyatakan bahawa ketika pemeriksaan badan dilakukan oleh pihak polis, selain daripada slip Maybank atas namanya, polis juga menjumpai duit dan kunci rumah. Sekiranya benar kunci rumah dijumpai pada OKT semasa pemeriksaan dibuat oleh pihak polis, sudah tentu pihak polis tidak akan memecah masuk rumah tersebut;

(d) SP1, SP6 dan SP8 pada pandangan mahkamah, telah memberi keterangan yang benar. Melihat kepada keseluruhan keterangan dalam kes ini, apa yang dinyatakan oleh mereka dari kandang saksi bukanlah sesuatu yang 'improbable'. Tambahan pula, mereka adalah pegawai awam yang tidak mempunyai apa-apa motif untuk memberi keterangan palsu bagi mensabitkan OKT dengan suatu pertuduhan yang membawa hukuman mati mandatori. Dalam kes *Public Prosecutor v Mohd Bandar Shah Nordin & Anor* [2008] 4 MLJ 556; [2008] 4 CLJ 859, Gopal Sri Ram HMR telah menyatakan ujian bagi menentukan kredibiliti sesorang saksi, iaitu 'motive' dan 'probabilities of the case'. Beliau berkata di ms 561 MLJ:

> [6] We now turn to the argument directed at the credibility of PW3. Learned counsel for the respondents in a very carefully formulated and formidable argument has submitted that whatever may be the learned judge's finding on PW3's credit this court should in accordance with settled principle not interfere with the trial judge's conclusion that the witness was not credible. In

approaching issues of credibility it is always necessary to bear in mind the tests that a trier of fact should ordinarily apply when evaluating oral evidence. One of the tests is motive. The presence or absence of motive on the part of a witness is a relevant consideration which a trial court should take into account. See, *Tengku Mahmood v Public Prosecutor* [1974] 1 MLJ 110. Another relevant consideration are probabilities of the case. If a witness' evidence is improbable, this would be a good reason for rejecting his evidence or according it very little weight. By the same token, where the evidence of a witness accords with the probabilities of the case, it would be a serious misdirection on the part of the trial court to give it little or no weight on grounds of credibility. When there is a conflict of evidence in or between the testimony of witnesses, it is the duty of the trier of fact to warn himself of the danger of acting upon the evidence of a given witness. Contradictions within and between the evidence of witnesses there are always bound to be. But that is not a good reason by itself to hold the evidence of a witness to be lacking in credibility. See, *Public Prosecutor v Dato' Harun bin Haji Idris* [1977] 1 MLJ 14. In respect of the assessment of evidence of police officers we can do no better than to quote from the judgment of Thomson CJ in *Public Prosecutor v Mohamed Ali* [1962] MLJ 257:

> When a police witness says something that is not inherently improbable his evidence must in the first instance be accepted. If his evidence is contradicted by other evidence or is shaken by cross examination then it becomes the business of the Magistrate to decide whether or not it should be accepted. In the absence of contradiction, however, and in the absence of any element of inherent probability the evidence of any witness, whether a police witness or not, who gives evidence on affirmation, should normally be accepted.

(e) Walaupun mungkin boleh dihujahkan bahawa SP1, SP6 dan SP8 mempunyai kepentingan terhadap keputusan kes yang mereka terlibat, namun keterangan mereka perlu dinilai berdasarkan 'basic human probabilities'. Autoriti atau nas mengenai perkara ini adalah jelas:

> Courts of law should judge evidence by applying the well recognised test of basic human probabilities; the observation that the evidence of officers constituting the inspecting party is highly interested because they want the accused to be convicted runs counter to the well recognised principle that prima facie public servants must be presumed to act honestly and conscientiously; their evidence has to be assessed

on its intrinsic worth; it cannot be discarded merely on the ground that being public servants they are interested in the success of their case.

(Lihat AIR 1978 SC 1957; [1978] 4 SCC 65; 1978 UJ (SC) 701).

[25] Mengenai keterangan DW2, timbalan pendakwa raya terpelajar berhujah bahawa keterangan beliau perlu diteliti secara berhati-hati oleh mahkamah kerana DW2 ialah bekas teman istimewa OKT dan beliau mempunyai kepentingan atau motif untuk menolong OKT supaya dilepaskan daripada pertuduhan yang dikemukakan terhadapnya. Pada pandangan mahkamah, 'merely because the witnesses were relations or interested is by itself not sufficient to straightaway discard their evidence unless their evidence is shown to suffer from serious infirmaties raising considerable doubt in the court's mind' (lihat AIR 1983 SC 839; 1983 Cr LJ 1112; 1983 SCC (Cr) 590; (1983) 3 SCC 316; (1983) 1 Chand LR 101).

[26] Walau bagaimanapun, selepas meneliti dengan teliti keterangan DW2, mahkamah meragui bahawa beliau bercakap benar. DW2 berkata bahawa beliau boleh mengingati dengan jelas pada hari kejadian (kejadian berlaku pada 29 April 2004, empat tahun yang lalu) iaitu tentang majlis hari jadi, di mana pada hari itu dia tidak bekerja; kereta yang digunakan oleh OKT yang membawanya ke majlis hari jadi; mereka singgah membeli belah di The Store dan membeli durian dalam perjalanan pulang serta beliau ada menelefon OKT selepas OKT menghantarnya balik ke rumah. Walau bagaimanapun, semasa disoal balas, DW2 tidak dapat menjawab soalan yang mudah seperti apakah pakaian yang dipakainya sendiri dan OKT semasa hari kejadian. Beliau juga tidak dapat mengingati nombor telefon OKT.

[27] Melihat kepada keseluruhan keterangan DW2, mahkamah berpendapat bahawa ingatan DW2 tentang apa yang berlaku pada hari kejadian adalah 'terpilih'. Beliau hanya ingin mengingati keterangan yang boleh membantu OKT. Keterangan DW2 juga tidak boleh 'fits with the rest of evidence and circumstances of the case' (lihat *Nordin Atan & Anor v Public Prosecutor* [2000] 5 CLJ 334). Adalah tidak munasabah sekiranya DW2 yang bersandar di bahu OKT tidak dapat melihat ekshibit dadah yang berada di atas alas kaki bahagian hadapan pemandu kereta yang dipandu oleh OKT.

[28] Timbalan pendakwa raya terpelajar berhujah bahawa kegagalan OKT untuk memberitahu tentang kewujudan DW2 kepada polis semasa dia ditangkap bagi membolehkan polis merakamkan percakapannya menunjukkan bahawa keterangan DW2 adalah 'a recent invention'. Fakta tentang kehadiran DW2 di dalam kereta bersama OKT juga tidak dikemukakan kepada saksi-saksi pendakwaan. Dengan hormat, hujahan tersebut tidak mempunyai merit. Adalah menjadi undang-undang yang

sudah mantap bahawa semasa atau selepas ditangkap, seseorang tertuduh tidak memikul apa-apa tanggungjawab untuk membuat kenyataan sama ada beramaran atau tidak. Oleh itu, tiada inferens memudaratkan boleh diambil terhadap tertuduh kerana gagal membuat kenyataan kepada polis selepas penangkapannya (lihat kes *Cheah Yoon Lim v Pendakwa Raya* [2008] MLJU 0458, *Mohd Hazrin Md Sari v Public Prosecutor* [2008] 3 MLJ 798; [2008] 5 CLJ 361 dan *Teng Boon How v Pendakwa Raya* [1993] 3 MLJ 553; [1993] 4 CLJ 545).

[29] Mahkamah mengambil perhatian bahawa walaupun pembelaan yang dikemukakan oleh OKT bahawa dadah yang menjadi hal perkara pertuduhan dikatakan dijumpai di rumah sewanya adalah selaras dengan pembelaan yang dikemukakan kepada saksi-saksi pihak pendakwaan, namun selepas meneliti keseluruhan keterangan, mahkamah berpendapat bahawa pembelaan OKT tidak membangkitkan keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan dan pembelaan OKT juga, atas imbangan kebarangkalian, telah gagal mematahkan anggapan statutori di bawah s 37(da) ADB 1952 (lihat kes-kes *Mohammed Radzi bin Yaacob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169, *Mat v Public Prosecutor* [1963] MLJ 236 dan *Public Prosecutor v Yuvaraj* [1969] 2 MLJ 89).

[30] Mengenai frasa 'keraguan yang munasabah', mahkamah merujuk kepada kes *Public Prosecutor v Saimin & Ors* [1971] 2 MLJ 16; [1971] LNS 115 apabila Sharma H menyatakannya seperti yang berikut:

> It is not mere possible doubt, because everything relating to human affairs and depending upon moral evidence is open to some possible or imaginary doubt. It is that state of the case which after the entire comparison and consideration of all the evidence leaves the minds of the jurors in that condition that they cannot say they feel and abinding conviction to a moral certainty of the truth of the charge.
>
> It has again been said that 'reasonable doubt' is the doubt which makes you hesitate as to the correctness of the conclusion which you reach. If under your oaths and upon your consciences, after you have fully investigated the evidence and compared it in all its parts, you say to yourself I doubt if he is guilty, then it is a reasonable doubt. It is a doubt which settles in your judgment and finds a resting place there. Or as sometimes said, it must be a doubt as solemn and substantial as to produce in the minds of the jurors some uncertainty as to the verdict to be given. A reasonable doubt must be a doubt arising from the evidence or want of evidence and cannot be an imaginary doubt or conjecture unrelated to evidence.

[31] Dalam kes *Miller v Minister of Pensions* [1947] 2 All ER 372, Denning H (sebagaimana dia ketika itu) berkata:

> That degree is well settled. It need not reach certainty, but it must carry a high degree of probability. Proof beyond reasonable doubt does not mean proof beyond the shadow of a doubt. The law would fail to protect the community if it admitted

fanciful possibilities to deflect the course of justice. If the evidence is so strong against a man as to leave only a remote possibility in his favour which can be dismissed with the sentence 'of course it is possible, but not in the least probable', the case is proved beyond reasonable doubt, but nothing short of what will suffice.

[32] Berdasarkan kepada alasan-alasan di atas, mahkamah mendapati OKT bersalah dan disabitkan dengan satu kesalahan di bawah s 39B(1)(a) ADB 1952 dan menjatuhkan hanya satu hukuman yang ditetapkan di bawah s 39B(2) ADB 1952 iaitu hukuman gantung sampai mati mengikut undang-undang.

Tertuduh didapati bersalah dan dihukum gantung sampai mati.

Reported by Ashgar Ali Ali Mohamed